

Boria: Menganyam Tradisi dalam Persembahan.

Nor kamariah Chik^{1*}, Nur Azlini Mohd Suhaimi ² dan Wan NoorulFarisya Azween Wan Hussin³

- ¹ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej PengajianPengkomputeran,Informatik dan Matematik ,UiTM Cawangan Kedah; norkamariah@uitm.edu.my;  0009-0007-3279-4019
- ² Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej PengajianPengkomputeran,Informatik dan Matematik ,UiTM Cawangan Kedah; nurazlinisuhaimi@gmail.com;
- ³ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej PengajianPengkomputeran,Informatik dan Matematik ,UiTM Cawangan Kedah; farisyaazween69@gmail.com;
- * Correspondence: norkamariah@uitm.edu.my; +60192187689.

Abstrak: Seni boria adalah seni warisan tradisional yang popular di negeri utara Pulau Pinang. Kajian ini membincangkan mengenai asal-usul dan sejarah boria untuk memberi pendedahan yang jelas kepada masyarakat. Kajian ini menjelaskan perubahan yang berlaku dalam seni boria dari awal sehingga kini. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan maklumat melalui jurnal, akhbar, buku, laman web rasmi dan temubual bersama tokoh seni warisan boria. Semua pihak haruslah mengambil serius untuk menjaga dan memperkenalkan seni warisan boria ini. Kajian ini dapat memberi kesan kepada masyarakat tentang kepentingan seni warisan boria yang perlu diberi perhatian dan diwarisi oleh generasi yang akan datang supaya seni warisan boria ini terus dikekalkan. Hasil kajian ini boleh membantu individu, masyarakat dan para penyelidik dalam mengkaji seni warisan boria in dengan lebih terperinci.

Kata kunci: Seni boria, seni warisan, sejarah boria, teater melayu, temubual.

DOI: 10.5281/zenodo.13937912



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Boria adalah satu bentuk persembahan kebudayaan yang terkenal dimainkan di negeri utara Malaysia iaitu Pulau Pinang. Melalui berita New Straits Times yang bertarikh 12 Oktober, 2014 (Pauline Fan 2014), Pak Omar menjelaskan beberapa sarjana berpendapat perkataan boria diambil dari perkataan Hindustan yang bermaksud ‘tikar’, merujuk kepada pakaian ahli kumpulan boria yang diperbuat daripada tikar untuk menggambarkan penderitaan Saidina Hussein r.a. di Karbala. Ada juga berpendapat bahawa perkataan boria diambil dari perkataan Hindustan iaitu ‘borai’ yang bermaksud sasau atau gila kerana kumpulan boria berpakaian seperti orang gila.

Berdasarkan Rahmah Bujang (1987), boria mempunyai dua segmen dalam persembahan di mana segmen pertama ialah sketsa komedi iaitu lakonan dibuat pada permulaan persembahan dan dituruti oleh nyanyian dan juga tarian mengikut tema sama yang diberikan dalam persembahan.

Di samping itu, menurut Wan Syahrul (2016), seni boria berdepan dengan pelbagai cabaran dalam memperkenalkan persembahannya kepada masyarakat. Ekonomi yang tidak stabil dan perkara lain diutamakan mengakibatkan boria mengalami sambutan yang sikit oleh masyarakat. Perkara ini menyebabkan seni warisan boria tidak dijaga dan juga telah dipinggirkan oleh pihak-pihak yang

bertanggungjawab disebabkan kos adalah tinggi dalam mengekalkan seni warisan boria jika bantuan daripada pihak kerajaan atau swasta tidak diberikan. Seni warisan boria perlulah dikekalkan sebagai teater melayu kepada masyarakat. Hal ini disebabkan sesebuah seni warisan mempunyai nilai harta tinggi dalam konsep dan budayanya. Cabaran dalam mengekalkan persembahan boria perlulah diatasi oleh setiap individu dalam masyarakat.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Terdapat banyak pendapat mengenai asal-usul atau sejarah kedatangan dan perkataan boria yang telah menimbulkan ketidakpastian dalam diri masyarakat dan menyebabkan mereka salah mentafsir dan memahami asal usul kedatangan boria yang sebenar-benarnya. Berdasarkan penulisan Safina Ramli (2020), Jibran Khalil Sindar Nadar berkata bahawa terdapat pelbagai pendapat mengenai asal-usul kedatangan dan perkataan boria. Hal ini menyebabkan berlakunya kekeliruan dan kesalahfahaman terhadap asal-usul boria tersebut. Oleh hal yang demikian, pengkaji tergerak hati untuk membuat kajian secara lebih terperinci dalam hal ini.

Seterusnya, peredaran masa dapat dilihat sebagai penyebab kepada berlakunya perubahan dalam seni boria. Berdasarkan penulisan Kalsom Rahmathulah (2015), menurut Jibran Khalil, peredaran masa adalah penyebab kepada persembahan boria yang semakin kurang diketahui di mana masyarakat masa kini tidak lagi memahami konsep asal boria. Boria mengalami banyak perubahan pada masa kini berbanding masa lalu dari segi pemakaian, alat muzik dan sebagainya.

Persembahan seni warisan boria ini tidak dapat diperkenalkan disebabkan penggiat-penggiat boria tiada saluran khas, masa dan tempat. Menurut Ferdhaus, Masitah dan Badaruddin (2014), mereka mengatakan masalah berkait dengan kekurangan dana dan modal dalam memperkenalkan boria berpunca dari pengurusan sesebuah kumpulan boria yang memerlukan modal tinggi. Hal ini menyebabkan seni warisan boria kurang diketahui oleh masyarakat masa kini.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini telah mengemukakan beberapa objektif seperti yang berikut:

- i. Untuk memberi pendedahan yang jelas mengenai asal-usul dan sejarah boria kepada masyarakat.
- ii. Untuk membantu masyarakat dalam memahami perubahan yang berlaku dalam seni boria.
- iii. Untuk membantu mengekalkan seni warisan boria sebagai teater melayu kepada masyarakat.

4. PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini menyelidik beberapa persoalan yang hendak dikaji seperti yang berikut:

- i. Apakah pendapat-pendapat mengenai asal-usul atau sejarah kedatangan dan perkataan boria?
- ii. Apakah perubahan yang berlaku dalam seni boria dari awal sehingga kini?
- iii. Apakah cabaran-cabaran dalam memperkenalkan persembahan boria kepada masyarakat?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini sangat tepat untuk menyedarkan organisasi yang terlibat mengenai perubahan yang berlaku kepada seni warisan boria di mana organisasi tersebut dapat mengekalkan tradisi seni warisan boria yang tersendiri. Kajian mengenai persembahan boria ini boleh dijadikan sebagai pemangkin terhadap kajian-kajian yang baru tentang persembahan seni boria ini terutamanya di Malaysia. Hal ini memandangkan Pulau Pinang mempunyai khazanah seni warisan boria ini yang perlu lagi dikaji dan diselidik secara mendalam. Kajian ini dapat menambah minat masyarakat, para penyelidik atau

sesiapa sahaja tidak kira dalam dan juga luar negara dalam mengkaji seni warisan boria di Pulau Pinang.

6. TINJAUAN LITERATUR

Menurut Omar bin Ali (2015), boria telah datang ke negeri Pulau Pinang pada abad ke-19 diiringi oleh tentera India Muslim. Pada abad itu, persembahan boria telah dilakukan oleh tentera India Muslim untuk jangka tempoh 10 hari pada bulan Muharram. Hal ini bertujuan untuk mengenang peristiwa kematian Saidina Hussein r.a., anak lelaki kepada Saidina Ali r.a. Jadi, masyarakat yang berketurunan India Selatan ataupun lebih dikenali dengan gelaran Jawi-Pekan melakukan tarian boria di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, tarian boria telah mengalami banyak perubahan mengikut kehendak dan keperluan masyarakat pada abad itu. Adi Putri (2017) mengatakan bahawa kemasukan boria ke Tanah Melayu adalah diiringi oleh tentera British Syiah dari India ke Pulau Pinang pada abad ke-19.

Menurut Maziar Mozaffari-Falarti (2004), perkataan boria diambil dari tiga bahasa iaitu Sanskrit, India, Gujarati, Bengali atau Parsi. Menurut Mohd Ghazali Abdullah (1995), berdasarkan bukunya yang bertajuk "Teater Tradisional Melayu", boria mula datang ke negeri Pulau Pinang pada tahun 1845 di mana ia dibawa oleh Tentera rejimen Madras ke-21. Selepas itu, tentera tersebut ditukarkan ke kubu pertahanan daerah Pulau Pinang. Beliau juga berpendapat bahawa syarikat British yang dikenali sebagai East India Company dan juga Tentera Rejimen Madras telah menarik masuk pekerja dari Chulia dan Beri ke negeri Pulau Pinang. Keadaan inilah yang mendorong kepada perkembangan teater boria di negeri Pulau Pinang. Banyak pendapat yang menjelaskan tentang sejarah atau asal-usul seni boria yang membuatkan masyarakat berasa keliru hendak mempercayainya.

Seterusnya, perubahan yang berlaku juga dikatakan akibat peredaran masa dan kehendak masyarakat. Menurut Ghulam-Sarwar (2002), beliau menjelaskan bahawa boria telah berkembang dari teater ritual ke arah menjadi warisan budaya Melayu-Muslim yang unik di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, menurut beberapa sarjana, seni boria diancam kepupusan kerana dianggap ketinggalan zaman dan tidak lagi relevan dengan pemodenan masyarakat Pulau Pinang. Hal ini menunjukkan terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dan pihak-pihak yang terlibat dalam membangunkan seni warisan boria ini. Permasalahan ini perlu dikenalpasti dan diselidik dengan lebih terperinci lagi. Perubahan yang berlaku juga dapat dilihat dari pelbagai aspek dalam seni boria.

Berdasarkan penulisan Kalsom Rahmathulah dalam akhbar Berita Harian yang bertarikh 28 Oktober, 2015, Jibran Khalil berkata pada masa lalu, kumpulan boria melakukan persembahan dengan mengenakan pakaian seakan-akan sama seperti mamak iaitu dengan memakai tali pinggang diikuti dengan pemakaian kain pelikat dan juga topi tarbius. Hal ini bertujuan untuk mengekalkan imej etnik seni warisan tersebut. Walau bagaimanapun, beliau berkata seni warisan tersebut mengalami perkembangan sejak tahun 1970-an di mana boria mula diperkenalkan melalui rancangan realiti dengan berpakaian seragam yang berwarna terang dan berlabuci. Beliau turut menjelaskan bahawa perkembangan boria bukan hanya pada cara pemakaian tetapi juga melibatkan cara persembahan dahulu yang diiringi dengan alat muzik.

Berdasarkan Akhbar Saturday Metro (Manjit Kaur 2009), Omar Md. Hashim mengatakan seni boria hampir pupus kerana terdapat kekurangan jempunan dari mana-mana pihak untuk membuat persembahan dan pertandingan boria yang biasanya diadakan di tapak Pesta Pulau Pinang telah dibatalkan pada masa lalu kerana tidak mempunyai penyertaan yang cukup. Melalui Metro News (M. Sivanantha Sharma 2015), Mazidah Mustapha berkata di Pulau Pinang seni boria diterima dengan baik

oleh setiap masyarakat. Jika ia tidak diajarkan kepada generasi muda dan tidak dipromosikan dengan baik, mungkin ramai orang tidak mengetahui tentang seni boria. Sekiranya seni boria tidak dijaga, ia akan perlahan-perlahan hilang begitu sahaja.

Berdasarkan akhbar Utusan Malaysia (Zabry Mohamad Madzlan (n.d.), Omar bin Md. Hashim mencadangkan pihak yang terlibat supaya menganjurkan persembahan yang berkala. Hal ini adalah untuk memudahkan sesiapa datang menyaksikan persembahan boria supaya boria tidak dilupakan begitu sahaja oleh masyarakat terutamanya generasi muda. Seterusnya, berdasarkan akhbar Sinar Harian (Siti Nadiyah 2009), Pak Lah mengatakan bahawa kepupusan boria juga berpunca daripada generasi muda yang kekurangan tempat untuk mempersembahkan bakat mereka. Pertandingan boria juga tiada dan pada tahun 2008, pertandingan boria yang diadakan dalam Pesta Pulau Pinang terpaksa dibatalkan kerana tidak mempunyai sebarang penyertaan. Beliau turut mengatakan bahawa media massa perlu memainkan peranannya dalam memartabatkan seni warisan boria di Pulau Pinang.

Melalui Akhbar Utusan Malaysia (Omara, 2012) seni warisan boria sangat terkenal namun kebanyakan masyarakat masih lagi kurang mengetahui tentang seni warisan yang datang dari Arab itu. Melalui penulisan Siti Haliza Yusop (2015) dalam akhbar Berita Harian pula, Encik Omar Md. Hashim berkata bahawa boria boleh mendatangkan banyak kesan buruk kepada masyarakat Pulau Pinang kerana subjek yang terkandung dalam boria boleh menyebabkan pergaduhan seperti sesetengah suami yang terlampau leka dengan boria hingga tanggungjawab sebagai ketua keluarga terabai. Hal ini menyebabkan para ulama di Pulau Pinang telah mengemukakan beberapa fatwa yang mengharamkan seni boria itu pada tahun 1930. Namun, pengharaman tersebut hanya bertahan untuk jangka masa pendek sahaja di mana sepuluh tahun selepas itu, boria kembali ke Pulau Pinang tetapi ia datang dengan wajah baharu.

'Mana Sikana (1996), sesuatu seni ini memainkan peranan untuk meningkatkan daya pemikiran dan mengubah hidup masyarakat untuk mencapai ke arah peradaban yang bermakna. Melalui temubual bersama Encik Omar Md. Hashim, boria kini masih aktif dimainkan dan mempunyai peminat tersendiri di kalangan masyarakat tempatan dan bangsa lain. Namun begitu, boria mengalami beberapa masalah iaitu boria hanya dimainkan dalam majlis-majlis tertentu sahaja seperti majlis untuk memperkenalkan pelancongan negeri. Selain itu, penggiat-penggiat boria juga tidak mempunyai saluran khas, tempat dan masa untuk mereka mempersembahkan boria dan mamperkenalkan seni warisan boria ini. Beliau juga memberitahu bahawa dana serta kekurangan modal adalah cabaran dalam memperkenalkan boria. Masalah dana serta kekurangan modal berkait dalam menguruskan sesebuah kumpulan boria yang memerlukan dana serta modal tinggi.

Peredaran masa dan sekatan kepada penyebaran pemahaman Syiah yang menyebabkan boria telah berubah mengikut cita rasa dan juga budaya masyarakat tempatan. Perubahan ini jelas menunjukkan bahawa ia dilakukan bagi menarik hati masyarakat untuk menyaksikan persembahan boria. Melalui akhbar Utusan Malaysia yang bertarikh 20 Oktober 2012, Omar bin Md. Hashim mengulas bahawa pada tahun 1930-an pengharaman seni boria telah dilakukan oleh para ulama di Pulau Pinang. Pengharaman tersebut dianggap sebagai peristiwa pahit yang berlaku dalam perkembangan seni boria. Perkara itu terjadi disebabkan oleh pergaduhan serius yang melibatkan peminat-peminat boria sehingga menjurus kepada kematian. Jelaslah bahawa ini merupakan cabaran dalam seni boria.

Individu, masyarakat dan pihak-pihak yang terlibat perlu mengambil tahu tentang sejarah atau asal-usul seni boria demi menambah pengetahuan mereka tentang sesuatu sejarah yang bermakna. Berdasarkan penulisan Watawa Nataf dalam akhbar Buletin Mutiara (2015), Soon Hin berkata negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menaikkan seni warisan boria sebagai warisan dunia. Hal

ini disuarakan oleh beberapa orang exco seperti Exco Warisan, Exco Pelancongan, Exco kebudayaan dan kesenian dan juga Exco Pembagunan. Mereka turut berkata bahawa Kerajaan negeri berharap bangsa-bangsa lain di negeri Pulau Pinang dapat memelihara tradisi masing-masing. Pihak-pihak yang terlibat perlulah berganding bahu dalam membawa seni boria ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Pelbagai perubahan seni boria juga yang harus didedahkan kepada masyarakat dalam mempelajari seni warisan yang penting ini.

7. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pelbagai kaedah untuk mendapatkan maklumat supaya dapat mencapai objektif kajian. Beberapa jenis instrumen telah digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat seperti jurnal, akhbar, buku dan laman web rasmi. Banyak maklumat yang senang dicari untuk yang menepati tujuan kajian. Kaedah sejarah lisan melalui temu bual iaitu dalam bentuk rakaman juga digunakan untuk mendapatkan pelbagai maklumat mengenai sejarah, perubahan, cabaran dan sebagainya yang berkaitan dalam seni boria. Temubual yang bertujuan untuk mengumpul segala maklumat dan pengalaman yang bersejarah. Rakaman temubual dapat digunakan untuk mengumpul maklumat tentang pengalaman seseorang individu yang berhubung kait dengan sesuatu peristiwa. Kaedah sejarah lisan iaitu temu bual adalah untuk melengkapkan juga maklumat tentang sesuatu peristiwa supaya pengetahuan baharu dapat ditambah dalam sesuatu peristiwa yang ada. Kaedah temu bual melibatkan temu bual antara dua orang pelajar dengan tokoh seni warisan boria. Kaedah temubual bersama tokoh seni warisan boria melalui rakaman sangat membantu dan menyumbang banyak maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.

Tokoh telah dipilih berdasarkan beberapa kriteria iaitu tokoh tersebut hendaklah berasal dari Perlis, Penang, Kedah atau Perak. Selain itu, tokoh tersebut hendaklah berusia 50 tahun dan keatas. Walau bagaimanapun, tokoh yang telah dipilih adalah dari Pulau Pinang. Kami memilih tokoh tersebut kerana beliau terkenal dalam bidang seni boria dari segi sumbangan dan pencapaian beliau dalam bidang tersebut. Seterusnya, pemilihan tokoh ini diperkuatkan lagi dengan tahap keaktifan beliau dalam menyebarkan ilmu mengenai bidang seni boria ini kepada generasi muda melalui pelbagai platform seperti blog, facebook, instagram dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, tokoh yang telah dipilih ini amatlah bersesuaian dengan kriteria yang ditetapkan kerana tokoh ini tergolong dalam kumpulan umur 50 tahun. Tokoh ini juga merupakan seseorang individu yang berpengalaman dalam menaikkan nama dalam bidang seni boria. Oleh itu, Kami telah memilih untuk menemubual Encik Omar bin Md. Hashim iaitu tokoh warisan seni dalam bidang boria.

Encik Omar bin Md. Hashim yang lebih dikenali dengan nama samarannya iaitu Omara. Beliau berumur 66 tahun dan mempunyai pengalaman yang luas berbanding tokoh yang lain. Beliau tinggal di Permatang Pauh, Seberang Perai, Pulau Pinang. Beliau mula menceburi bidang seni boria ini sejak beliau di bangku sekolah rendah lagi. Beliau sangat aktif semasa di sekolah rendah dengan melibatkan diri dalam mana-mana pertandingan yang diadakan. Buktinya, beliau melibatkan diri dalam pertandingan dengan menyampaikan persembahan boria di sekolah. Semasa di sekolah rendah, beliau juga telah menubuhkan kumpulan borianya sendiri. Beliau telah mencapai dua anugerah tertinggi iaitu Anugerah Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang pada tahun 2016 dan Anugerah Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup Boria pada tahun 2018. Penglibatan beliau sejak di usia muda telah membuatkan beliau mempunyai 55 tahun pengalaman dalam bidang seni boria ini. Oleh hal yang

demikian, beliau dapat memberi maklumat serta pandangan baru yang bermanfaat kepada masyarakat masa kini.

Sebagai perancangan awal kajian, prosedur utama yang telah dilakukan adalah dengan membuat kajian umum mengenai topik yang dipilih iaitu bidang seni boria dengan mengumpul segala maklumat-maklumat yang berkaitan daripada pelbagai sumber seperti jurnal, blog dan platform media sosial seperti Facebook. Seterusnya, individu yang berkecualan dan berpengalaman dalam bidang seni boria dikenalpasti dan diyakini supaya mempunyai maklumat berkenaan tentang kajian yang dilakukan. Proses pengumpulan data dijalankan dengan mengumpul sebanyak mungkin maklumat yang berkait dengan topik yang dipilih untuk memudahkan dalam menyediakan soalan-soalan temu bual. Selepas itu, idea-idea yang diberikan oleh pengkaji telah dicatat dalam buku atau nota. Soalan-soalan temu bual disusun secara teratur mengikut pembahagian subtopik seperti latar belakang, kerjaya, cabaran dan pendapat. Pencarian dalam mencari individu yang memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan dalam kajian telah dilakukan secara terperinci. Contohnya, maklumat peribadi tokoh yang dipilih dengan mencari maklumat lengkap seperti alamat, nombor telefon, umur dan sebagainya telah diselidik. Hubungan awal bersama tokoh melalui emel dengan menanyakan persetujuan tokoh tersebut dalam membantu kajian ini. Selain itu, temu bual dilakukan secara maya iaitu melalui platform "Zoom". Platform "Zoom" telah dipilih kerana memudahkan sesi perbualan dirakam.

Kaedah sejarah lisan melalui temu bual iaitu dalam bentuk rakaman digunakan untuk mendapatkan pelbagai maklumat mengenai sejarah, perubahan, cabaran dan sebagainya yang berkaitan dalam seni boria. Kaedah temubual bersama tokoh seni warisan boria melalui rakaman sangat membantu dan menyumbang banyak maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.

8. HASIL KAJIAN

Hasil kajian melalui jurnal, akhbar, laman web rasmi dan sebagainya serta temubual yang dijalankan bersama tokoh seni warisan boria iaitu Encik Omar bin Md. Hashim telah memberi banyak maklumat berkaitan seni boria yang dapat dikumpul dan dijelaskan dalam kajian ini. Hasil kajian ini juga dapat menjadi satu daya tarikan kepada masyarakat atau individu untuk mengenali dan memahami boria. Selain itu, kajian ini juga dapat menambahkan pengetahuan kepada masyarakat atau individu mengenai sejarah atau asal usul boria, perubahan boria dari segi cerita dan lakonan persembahan boria, pakaian dan 'props', alat muzik, tarian, nyanyian dan sambutan dalam persembahan boria.



Gambar 1: Tarian persembahan boria pada masa kini

9. KESIMPULAN

Seni warisan boria ini penting untuk menyedarkan masyarakat, individu atau pihak-pihak yang terlibat tentang berharganya seni boria ini untuk dijaga dan dipelihara. Seni warisan boria ini memberi banyak pendedahan maklumat mengenai sejarah atau asal-usulnya kepada masyarakat. Peredaran masa menyebabkan banyak perubahan berlaku dalam seni boria ini yang memberi kesan kepada persembahan boria. Perubahan dapat dilihat dari segi cerita dan lakonan persembahan boria, pakaian dan 'props', alat muzik, tarian, nyanyian dan sambutan dalam persembahan boria. Perubahan ini juga telah berjaya menarik ramai penonton. Semua pihak haruslah menjaga seni warisan boria ini supaya seni warisan ini tidak hilang begitu saja. Seni warisan boria ini dapat menjadikan seseorang atau masyarakat yang lebih berilmu pengetahuan dan berdisiplin dalam semua aspek. Masyarakat dan pihak-pihak yang terlibat haruslah bekerjasama dalam memperkenalkan boria ini agar seni boria ini dapat menarik masyarakat untuk mengenali dan meminati seni boria. Media massa adalah salah satu langkah dan amat membantu dalam memperkenalkan seni boria ini. Seni boria haruslah diteruskan dan dipertahankan supaya seni warisan ini dijadikan sebagai salah satu cabang kebudayaan negara dan bangsa. Generasi muda kini haruslah sedar tentang pentingnya seni warisan budaya ini dan hendaklah bekerjasama dengan pihak kerajaan, Kementerian Kebudayaan Malaysia atau pihak-pihak yang terlibat untuk memperkenalkan dan mempertingkatkan imej seni warisan boria ini di pelusuk dunia.

RUJUKAN

- Omar bin Ali. (2015). Bentuk dan Gaya Tarian Boria di Pulau Pinang. Wawancara Pulau Pinang. Diperoleh dari: <http://digilib.uinsby.ac.id/4065/6/Bab%203.pdf>
- Adi Putri. (2017). Boria berasal daripada peristiwa syiah? 4 asal-usul budaya seni malaysia yang menarik!. Diperoleh dari: <https://soscili.my/boria-berasal-daripada-peristiwa-syiah-4-asal-usul-budaya-seni-malaysia-yang-menarik/>
- Maziar Mozaffari-Falarti. (2004). Critical study of theories surrounding the historic arrival of a popular Shitte festival in contemporary Sunni Malaysia. Paper presented to the Social Change in the 21st Century Conference Centre for Social Change Research. Queensland University of Technology.
- Omar bin Md. Hashim. (2020). Temu bual. Pulau Pinang.
- Mohd Ghazali Abdullah. (1995). Teater Tradisional Melayu. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ghulam-Sarwar Yousof. 2002. The evolution of traditional Malay theatre in Penang. Paper presented at The Penang Story International Conference, 18–21 April, Penang.

- Kalsom Rahmathulah. (2015). Boria dapat Perhatian Kembara Bahasa. Akhbar Berita Harian. Diperoleh dari: <https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/bhplus-old/2015/10/92426/boria-dapat-perhatian-kembara-bahasa?espv=1>
- Manjit Kaur. (2009). Breathing new life in the boria. Saturday Metro.
- M. Sivanantha Sharm. (2015). Students showcase Boria to keep the colourful theatre play alive. Metro News. Diperoleh dari: <https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2019/04/25/preserving-penangs-pride>
- Siti Nadiyah. (2009). Pak Lah tidak mahu boria pupus. Akhbar Sinar Harian.
- Zabry Mohamad Madzlan. (n.d.). Boria? Apa tu...Akhbar Utusan Malaysia.
- Omara. (2012). Boria: hiburan, propaganda. Akhbar Utusan Malaysia.
- Siti Haliza Yusop. (2015) Boria mengkritik sambil menghibur. Akhbar Berita Harian. Diperoleh dari: <https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/bhplus-old/2015/07/69352/boria-mengkritik-sambil-menghibur>
- Mana Sikana. (1996). Falsafah dan Seni Kreatif Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Watawa Nataf Zulkifli. (2019). Kerajaan Negeri. Jabatan Warisan Negara sedia bekerjasama jadikan boria warisan hidup dunia. Buletin Mutiara.
- Pauline Fan. (2014). HERITAGE: Boria beats louder, louder. New Strait Times. Diperoleh dari: <https://www.nst.com.my/news/2015/09/41941/heritage-boria-beats-louder-bolder>
- Safina Ramli. (2020). Jibran gigih pertahan seni boria. Akhbar Utusan Malaysia. Diperoleh dari: <https://www.utusan.com.my/gaya/2020/10/jibran-gigih-pertahan-seni-boria/>
- Laman Web Rasmi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2021). Diperoleh dari: <http://www.jkkn.gov.my/ms/boria-0>
- Rahmah Bujang. (2007). Fungsi komunikasi dan estetika dalam persembahan teater tradisional wayang kulit. Jurnal Pengajian Melayu, _Mid 18, 2007.
- Wan Syahrul. (2016). Kenapa promosi seni budaya warisan dipinggirkan? Diakses daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kenapa-promosi-senibudaya-warisan-dipinggirkan-127118> dicapai pada 5/4/2020.
- Muhamad Ferdhaus Sazali, Masitah Muhibudin & Badaruddin Mohamed. (2014). Warisan kebudayaan boria dan pelancongan. Merekayasa Kearifan Tempatan Citra Seni dalam Teknologi. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.